



NOTIS NO. 02/2025

PEMFAILAN *AMENDED TAX RETURN*

Sepertimana yang telah diumumkan semasa Mesyuarat Majlis Negara sesi ke-21 yang diadakan pada 1 Mac 2025, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Bahagian Hasil telah memperkenalkan *Amended Tax Return* berkuatkuasa mulai dari Tahun Taksiran 2025 dan seterusnya. Inisiatif ini diharap akan dapat mempertingkatkan proses pemfailan pembayar cukai korporat yang mana pembayar cukai boleh memaklumkan kepada Pemungut Cukai Pendapatan (PCP) secara sukarela dan membuat pembetulan ke atas kesilapan (seperti pendapatan yang salah lapor atau perbelanjaan yang terlebih dituntut) yang mengakibatkan Cukai Pendapatan Korporat kurang bayaran semasa pemfailan awal Penyata Cukai Pendapatan.

2. Pembayar cukai korporat boleh membuat perubahan ke atas Penyata Cukai Pendapatan dengan memfailkan *Amended Tax Return* dalam talian melalui *One Common Portal – System for Tax Administration and Revenue Services* (OCP-STARS) dan seterusnya membuat pembayaran cukai tambahan berkenaan dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh terakhir pemfailan awal Penyata Cukai Pendapatan bagi setiap Tahun Taksiran, dengan syarat seperti berikut:

- i) Penyata Cukai Pendapatan yang awal difailkan pada 30 Jun (atau tarikh akhir lain bagi pemfailan yang diumumkan oleh PCP) telah memenuhi keperluan *self-assessed*, antarlain seperti mengemukakan Penyata Kewangan yang telah diaudit;
- ii) *Amended Return* akan meningkatkan jumlah pendapatan yang boleh dicukai;
- iii) *Amended Return* akan menghasilkan cukai tambahan yang perlu dibayar termasuk selepas pembayaran balik dibuat oleh PCP; dan
- iv) Penaksiran Cukai belum dilaksanakan oleh pihak PCP bagi Tahun Taksiran berkenaan.

3. Selain itu, *Amended Tax Return* tidak akan tertakluk kepada sebarang audit cukai, dengan syarat pembayar cukai korporat memaklumkan secara sukarela kesilapan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, di bawah bab 60A(2) Akta Cukai Pendapatan, PCP boleh menjalankan audit ke Penyata Cukai Pendapatan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh PCP mengikut bab 61A Akta tersebut.

4. Maklumat lanjut mengenai *Amended Tax Return* ini boleh dirujuk dalam Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 2024 yang mana boleh diperolehi di laman sesawang Jabatan Peguam Negara.

5. Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, sila hubungi Bahagian Hasil sama ada melalui emel di alamat revenue@mofe.gov.bn; atau melalui telefon di talian +673 2383933 or +673-7471436.



Bahagian Hasil
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Tarikh: 14 Jun 2025